

## **POLA KOMUNIKASI KELUARGA HUBUNGANNYA DENGAN PEMBENTUKAN PERSONALITI REMAJA**

**Nurfadzliayana Azmiera Anuar\***

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Norhasima Abdullah**

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: fadzliayanaazmiera@gmail.com*

### **Article history:**

*Received : 4 Mei 2023*

*Accepted : 22 Jun 2023*

*Published : 29 September 2023*

### **ABSTRAK**

Kajian yang dijalankan di SMK Meru, Klang ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara pola komunikasi keluarga dalam pembentukan personaliti remaja dari kalangan pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di sekolah tersebut sekaligus melihat perbezaan dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan aspek jantina, umur dan bilangan adik-beradik. Seramai 210 pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di SMK Meru dijadikan sebagai responden kajian. Kajian dijalankan menggunakan reka bentuk kuantitatif dan kaedah tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan ialah *Inventory of Revised Family Communication Pattern (RFCP)* dan *Inventory of Big Five Personality-10 (BFI-10)*. Hasil kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi yang melibatkan Korelasi, Ujian-t dan Anova dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 25. Hasil dapatan mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pola komunikasi keluarga dengan pembentukan personaliti remaja iaitu ( $r=.250, .000=k<.05$ ). Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan jantina iaitu ( $t=.070, .944 k > .05$ ) dan begitu juga pada aspek umur dimana tidak dapat perbezaan yang signifikan dengan nilai ( $t= -.967, .226 k > .05$ ). Manakala hipotesis yang terakhir menunjukkan dapatan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan jumlah bilangan adik-beradik iaitu pada nilai ( $f = 2.905, .036 k < .05$ ). Oleh itu, implikasi daripada kajian ini diharapkan dapat membantu beberapa pihak seperti ibu bapa, guru, masyarakat dan remaja sendiri tentang kepentingan bagi membentuk satu hubungan komunikasi yang baik dalam struktur kekeluargaan bagi memastikan generasi masa depan remaja meningkat dewasa dengan personaliti yang menonjol dan mampu membantu mereka bersaing di peringkat dewasa kelak.

**Kata kunci:** Pola Komunikasi; Personaliti Remaja; Keluarga; Ibu Bapa

## ***FAMILY COMMUNICATION PATTERN ITS RELATIONSHIP WITH ADOLESCENT PERSONALITY FORMATION***

### **ABSTRACT**

*This study conducted at SMK Meru aims to identify the relationship between family communication pattern and the formation of adolescent's personality among students of form four and form five in that school as well as to identify the differences in the formation of adolescents' personality based on aspects of gender, age and number of siblings. This survey has been conducted towards 210 students among form four and form five in SMK Meru. The study was conducted using quantitative methods and survey methods. The instruments used were The Inventory of Family Communication Pattern (RFCP) and Big Five Personality-10 (BFI-10). The data was analyzed through descriptive and inference statistics that includes Pearson Correlation, T-test and Anova via Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 25.0. the result shows that there is a significant relationship between the family communication pattern and the formation of adolescent's personality ( $r = .250, .000 k < .05$ ). Meanwhile, there is no significant difference in the formation of adolescent's personality based on gender ( $t = .070, .944 k > .05$ ) and likewise in the aspect of age where there is no significant difference with the value ( $t = -.967, .226 k > .05$ ). While the last hypothesis shows a finding that there is a significant difference in the formation of adolescent's personality based on the number of siblings ( $f = 2.905, .036 k < .05$ ). Therefore, the implications of this study are expected to help several parties such as parents, teachers, the community and as well as for the teenagers themselves about the importance of having a good communication pattern in the family structure to ensure that the future generation of teenagers grow up with outstanding personalities and capable to compete in the future.*

**Keywords:** *Communication Patterns; Adolescent's Personality; Family; Parents*

### **PENGENALAN**

Remaja merupakan antara aset negara yang mempunyai nilai tinggi iaitu sebagai penentu dan menjadi pemangku masa depan sesebuah negara bahkan menjadi aset penting kepada agama dan juga bangsa. Personaliti remaja yang dicorak pula menurut Azizi Yahaya (2008) dikatakan sememangnya boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti bentuk tubuh badan, baka, kecerdasan, persekitaran dan seumpamanya.

Personaliti secara amnya merujuk kepada sesuatu perwatakan, sikap atau perangai seseorang sama ada dizahirkan secara interpersonal atau intrapersonal. Portal My Health Kementerian Kesihatan Malaysia (2017) telah merumuskan bahawa pembentukan personaliti dan tingkah laku remaja mempunyai hubungannya dengan isu kekeluargaan. Hal ini kerana anak-anak akan mempelajari sesuatu perkara baik atau buruk itu seawal dari rumah menerusi didikan yang diterima.

Istilah personaliti yang diterjemahkan oleh Jaafar Muhamad (2001) menyatakan bahawa perkataan tersebut berasal daripada perkataan Latin iaitu persona yang membawa makna topeng muka. Beliau juga mengklasifikasikan tafsiran topeng muka adalah yang paling mudah difahami oleh masyarakat terdahulu. Topeng muka merujuk kepada sesuatu ciri yang ada pada diri seseorang individu, sifat dan sikap serta penilaian seseorang individu kepada individu yang lain. Beliau turut menyatakan bahawa personaliti yang dimiliki remaja adalah salah satu pengaruh kepada jenis tingkah laku yang terhasil pada diri mereka sama ada baik ataupun sebaliknya.

Manakala menurut perspektif Islam yang diketengahkan oleh M. Ali Hassan (1984) melalui kajian Mustafa et. al, dalam isu “Fenomena Delinkuen dalam Kalangan Remaja yang Berisiko di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Luar Bandar Malaysia” adalah merujuk kepada perkataan Arab “sahsiah” atau “akhlak” seperti budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat yang dimiliki oleh seorang insani. Akhlak juga dikategorikan kepada dua bahagian iaitu akhlak terpuji dan akhlak tercela. Maka perkembangan personaliti remaja secara konseptualnya mengikut perspektif Islam adalah suatu proses perubahan peribadi, tingkah laku, persepsi dan cara seseorang remaja itu bertingkah laku ke arah yang lebih baik selari dengan ajaran Islam.

Dalam pembentukan personaliti remaja ini sememangnya tidak dinafikan bahawa peranan ibu bapa adalah yang paling utama dalam mencorak personaliti mereka. Namun begitu, merujuk kepada Portal My Health Kementerian Kesihatan Malaysia (2017) bahawa nilai murni di dalam sesebuah institusi kekeluargaan dilihat semakin malap disebabkan oleh kesibukan ibu bapa terhadap kerjaya masing-masing sehingga ada segelintir daripada mereka culas dalam memberi perhatian, dorongan dan kasih sayang secukupnya pada anak-anak lantas membuatkan anak-anak merasa terabai.

Terkaitnya komunikasi keluarga dalam membentuk personaliti remaja adalah kerana komunikasi merupakan salah satu keutamaan dalam hidup yang boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa termasuk dalam lingkungan keluarga. Daripada aspek komunikasi keluarga dirumuskan oleh Chaffee dan McLeod (1972) menerusi kajian Saphir et.al (2002) sebagai dua dimensi iaitu komunikasi orientasi sosio dan orientasi konsep yang kemudiannya dinamakan semula oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1994) sebagai orientasi keakuran (*conformity*) dan orientasi perbualan (*conversation*).

Pada penjelasan yang dikemukakan oleh Zuria et. al, (2001) berkaitan komunikasi adalah sebagai salah satu peranan penting yang perlu digalas oleh ibu bapa dalam pembentukan institusi keluarga. Noller dan Fitzpatrick (1993) melalui kajian Che Hasniza dan Fatimah (2011) pula menterjemahkan bahawa pola komunikasi dalam keluarga yang wujud adalah turut sama bergantung kepada beberapa jenis keluarga iaitu antaranya konsensual, *laissez faire*, *pluralistic* dan protektif. Kedua-dua pengkaji menyimpulkan bahawa keluarga jenis konsensual adalah yang terbaik dimana galakkan kepada anak-anak untuk melibatkan diri dalam interaksi dan bertukar idea tanpa mengganggu hirarki kuasa dalam keluarga.

Maka berdasarkan beberapa pendefinisian yang dikemukakan oleh para pelopor dan pengkaji yang lepas, menunjukkan bahawa pola komunikasi keluarga adalah

sebagai kunci utama bagi membentuk perkembangan personaliti remaja yang akan mendorong ke arah penentuan tabiat, nilai kepercayaan, keadaan emosi dan sentimen yang akan menentukan penyesuaian remaja ke atas persekitaran tertentu, beradaptasi dengan persekitaran, membina hubungan interpersonal dan sosial lainnya.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian pada kali ini pengkaji memfokuskan kepada isu pembentukan personaliti remaja dengan melihat kepada cara interaksi kekeluargaan yang dibina oleh ibu bapa. Hal ini kerana komunikasi dalam keluarga merupakan salah satu faktor terpenting dalam kehidupan bagi melentur peribadi anak-anak melalui pembentukan personaliti mereka seperti yang turut disokong melalui kajian Nurul Aaina Abd Rashid yang menyatakan bahawa antara punca yang boleh mendorong kepada berlakunya masalah di dalam akademik remaja adalah berpunca daripada kelemahan personaliti dalam diri mereka yang menjadikan diri mereka kurang kompeten untuk bersaing bersama rakan yang lain.

Tambahan lain, masalah personaliti yang dihadapi oleh remaja juga akan mempengaruhi perkembangan sosial mereka seperti yang dinyatakan oleh Asendorf dan Wilpers (1998) melalui kajian Wehrli (2008) iaitu berkaitan *Personality on Social Network Sites: An application of the five factor model* yang mana remaja berpersonaliti *ekstrovert*, *sociable* dan kurang pemalu adalah lebih mudah untuk mempunyai jaringan rakan sebaya yang baik manakala remaja yang pasif, bersifat tertutup dan suka menyendiri akan mengalami kesukaran bagi mengembangkan potensi diri mereka.

Pada tahap keyakinan mereka yang rendah akan menyebabkan seseorang individu remaja itu menjadi kurang berani, sangat pemalu lantas tidak aktif dalam mengeksplorasi kehidupan bersama rakan-rakan dan juga masyarakat luar.

Didapati kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya adalah cenderung memfokuskan kepada gaya keibubapaan sebagai pengaruh kepada perkembangan personaliti remaja. Oleh itu, pada kajian kali ini akan menelusuri kepada penelitian dari aspek bagaimana komunikasi yang diamalkan dalam sebuah keluarga mampu mencorak pembentukan personaliti remaja.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Tinjauan telah dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada 210 orang pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang (SMK Meru).

Soal selidik yang diedarkan kepada para sampel kajian terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A mengemukakan maklumat demografi yang perlu diisi oleh pelajar. Bahagian B mengandungi 26 item berskala Likert satu hingga lima iaitu *Inventory of Revised Family Communication Pattern (RFCP)* yang merangkumi konstruk berkaitan pola komunikasi keluarga, manakala Bahagian C mengandungi 10 item iaitu *Inventory of Big Five Personality-10 (BFI-10)* bagi konstruk

personaliti remaja. Data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 25.0.

Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada 96 (45.7%) orang pelajar lelaki dan 113 orang pelajar perempuan (53.8%) dalam kalangan tingkatan empat dan tingkatan lima. Pemilihan sampel adalah secara persampelan bertujuan berikutan edaran soal selidik adalah secara menyeluruh kepada pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di SMK Meru mengikut kriteria spesifik yang telah ditetapkan oleh pengkaji sendiri.

## KEPUTUSAN DAN DAPATAN KAJIAN

Pola komunikasi keluarga hubungannya dengan pembentukan personaliti remaja. Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Hasil kajian ini adalah berdasarkan kepada skor mentah responden yang diperoleh melalui soal selidik. Data daripada soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan Perisian SPSS. Empat hipotesis utama yang diketengahkan dalam kajian ini didapati dua daripadanya adalah diterima manakala dua lagi ditolak.

**Jadual 1:** Korelasi antara pola komunikasi keluarga dengan pembentukan personaliti remaja

Pembolehubah	Pola Komunikasi Keluarga
Pembentukan Personaliti Remaja	.250 (nilai <i>r</i> )
	.000 ( <i>Significant 2-tailed</i> )

$k < .05$

Berdasarkan Jadual 1, hasil analisis berkaitan korelasi antara pola komunikasi keluarga dengan pembentukan personaliti remaja menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan nilai pekali korelasi  $r = .250$  mempunyai tahap nilai signifikan  $p = .000$  lebih kecil daripada aras keyakinan  $.05$ . Hasil kajian ini didapati selari dengan kajian yang telah diketengahkan oleh Nor Mukmin Mahmud (2018) iaitu berkaitan “Orientasi Pola Komunikasi Kekeluargaan Terhadap Sahsiah Remaja” yang menyatakan bahawa terdapat hubungan signifikan dan positif antara pola komunikasi keluarga dengan pembentukan sahsiah remaja yang mana hasilnya beliau mendapati bahawa keluarga yang mengamalkan orientasi perbualan akan menjadikan anak-anak lebih seronok untuk berbicara dengan ibu bapa.

**Jadual 2:** Ujian-*t* Perbezaan Pembentukan Personaliti Remaja Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	<i>t</i>	Df	Sig.
Lelaki	96	34.1667	.070	208	.944
Perempuan	114	34.1316			

Seterusnya berdasarkan Jadual 2, hasil analisis dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan jantina dengan nilai  $t = .070$  yang diuji pada aras keyakinan  $.05$ . nilai kebarangkalian  $p = .944$  didapati lebih besar dari aras uji keyakinan iaitu  $.05$  maka hipotesis kedua ditolak. Hasil kajian pengkaji pada kali ini tidak disokong oleh Rosamund Bourke (2002) dalam kajiannya iaitu berkaitan “*Gender Differences in Personality Among Adolescents*”. Beliau mendapati bahawa personaliti lelaki dan perempuan adalah berbeza dan mengukuhkan pernyataannya dengan dapatan hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat penemuan yang signifikan berhubung perbezaan di antara kedua-dua jantina yang mana jantina lelaki lebih menonjolkan corak personaliti yang tegas berbanding perempuan.

**Jadual 3:** Ujian- $t$ Perbezaan Dalam Pembentukan Personaliti Remaja Berdasarkan Umur

Umur	N	Min	T	Df	Signifikan
16	97	33.8866	-.967	208	.226
17	113	34.3717			

Merujuk kepada Jadual 3, hasil analisis data menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan umur dengan nilai  $t = -.967$  dan nilai signifikan  $p=.226$  adalah lebih besar daripada  $.05$ . Maka hipotesis ketiga juga ditolak. Hasil kajian ini didapati tidak selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Gordon P.D. Ingram iaitu *Influence of Age, gender and Personality on Young Adolescents' Reporting of Online Risks to Third Parties* yang mendapati bahawa remaja yang berada pada tingkat kelas9 (9<sup>th</sup>-graders) yang berpersonaliti *extraversion* adalah lebih banyak terdedah kepada risiko atas talian berbanding remaja di grad 7. Menurut pengkaji, dapatan kajian kali ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan umur adalah kerana perbezaan jarak umur responden yang hanya setahun di antara 16 tahun dan 17 tahun adalah tidak terlalu jauh maka cara responden menjawab soal selidik juga tidak terlalu berbeza dari segi terjemahan pemahaman soalan oleh pola pemikiran mereka.

**Jadual 4:** Anova Perbezaan Pembentukan Personaliti Remaja Berdasarkan Bilangan Adik-Beradik

Item	Ss	Df	Ms	F	Sig
Antara kumpulan	111.458	3	37.153	2.905	.036
Dalam kumpulan	2634.966	206	12.790		
<b>Jumlah</b>	<b>2746.424</b>	<b>209</b>			

Jadual 4 merekodkan nilai kebarangkalian adalah lebih kecil daripada aras keyakinan iaitu .036 ( $k < .05$ ) maka keputusan tersebut menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan bilangan adik-beradik. Oleh itu, hipotesis keempat ini diterima. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Deniz Yucel (2014) yang mengketengahkan isu berkaitan *Number of Siblings and Personality: Evidence Among Eight Graders from the Early Childhood Longitudinal Study-Kindergarten Cohort* juga membuktikan melalui hasil kajiannya bahawa saiz bilangan adik-beradik memberi kesan kepada pembentukan personaliti remaja, ramalan konsep sendiri dan juga lokus kawalan yang terhasil pada diri mereka sendiri. Pengkaji pada kali ini berpendapat bahawa bilangan adik-beradik yang ramai akan memberi pengaruh kepada pembentukan tahap kematangan diri remaja untuk berdikari manakala kesan negatif juga akan wujud sekiranya ibu bapa tidak memberikan kasih sayang yang sama rata kepada semua anak-anak.

Secara keseluruhan, kajian berkaitan pola komunikasi keluarga perlu lebih ditelusuri selaras dengan perubahan gaya hidup *digitalis* masa kini yang banyak memberi pengaruh kepada golongan belia dalam membentuk personaliti mereka. Hal ini juga berkait dengan usaha yang perlu diletakkan oleh kedua ibu bapa untuk memastikan agar satu tampuk ruang dapat dibina buat anak-anak berkongsi perasaan dan emosi yang sedang dialami. Hal ini kerana masyarakat terutamanya ibu bapa perlu didedahkan dengan *pro and cons* dan *standard of conduct* yang sesuai dengan perkembangan anak-anak supaya anak-anak tidak merasakan ibu bapa mereka sendiri terlalu berfikiran sempit atau kolot yang membuatkan remaja menjadi tidak selesa untuk berkongsi pendapat luar daripada topik formal.

Tambahan lain, melalui komunikasi yang berkesan juga sememangnya akan mempengaruhi pembentukan personaliti yang positif dan seimbang selari dengan terjemahan Paul Watzlawick (1967) menerusi Teori Interaksionisme di mana beliau menyatakan cara rangkain komunikasi yang seragam berbanding orientasi keakuran di antara ibu bapa dan anak akan mewujudkan satu persefahaman dalam hubungan sekaligus meningkatkan kepuasan diri anak-anak dalam bertukar pendapat. Dengan wujudnya kajian pengkaji pada kali ini, kesan positif turut timbul pada generasi remaja. Hal ini kerana, melalui dapatan yang menunjukkan hubungan yang signifikan di antara pola komunikasi keluarga terhadap pembentukan personaliti remaja akan membuka mata mereka betapa pentingnya untuk berkomunikasi bersama ibu bapa bagi mengembangkan pengetahuan, tahap keyakinan diri, kesihatan mental dan melahirkan personaliti menonjol.

Tidak hanya itu, guru dan masyarakat juga akan menerima impak positif yang mana kesedaran kepada para guru untuk mengaplikasikan komunikasi sesuai dengan tingkah laku, sikap mahupun tabiat yang ditunjukkan pelajar. Hal ini kerana tidak semua pelajar mempunyai cara beradaptasi dengan teguran yang diterima dengan cara yang sama. Terakhir sekali, masyarakat juga secara tidak langsung akan menjadi lebih cakna dan memahami bahawa terdapat perbezaan cara interaksi bagi setiap peringkat umur, menggunakan pola komunikasi yang sesuai dengan peredaran masa kini serta pentingnya memahami jiwa remaja sebagai dorongan buat mereka membentuk satu struktur personaliti yang tekal.

## CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, beberapa cadangan telah dikemukakan pengkaji untuk mengukuhkan lagi kajian pengkaji masa akan datang yang melibatkan tajuk yang sama. Pertama sekali, pengkaji mencadangkan supaya kajian dijalankan berkaitan tajuk pola komunikasi keluarga dan memberi penekanan terhadap jenis komunikasi dalam keluarga sebagai faktor utama berbanding faktor gaya keibubapaan. Hal ini kerana didapati kebanyakan kajian lepas di dalam Malaysia adalah lebih berkaitan dengan isu kekeluargaan secara umum. Pengkaji juga mencadangkan supaya pengkaji akan datang menggunakan inventori soal selidik BFI-44 bagi mengukur jenis personaliti remaja yang terlibat sebagai responden. Hal ini bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan yang lebih baik buat pengkaji pada masa akan datang.

Akhir sekali, saranan pengkaji supaya pemilihan lokasi yang dilakukan oleh pengkaji akan datang hendaklah memudahkan pengkaji untuk turun ke lokasi semasa membuat edaran soal selidik terutama di sekolah. Hal ini kerana didapati bahawa sebahagian daripada pelajar yang berada di kelas pertengahan dan hujung memerlukan lebih masa untuk menjawab soal selidik berbanding pelajar dari kelas hadapan. Mereka juga memerlukan pengkaji untuk membimbing dan menjelaskan soalan-soalan yang mungkin tidak difahami. Diharapkan agar apa yang dicadangkan sedikit sebanyak akan memberi manfaat untuk membantu pengkaji akan datang.

## RUMUSAN

Hasil kajian mendapati bahawa pola komunikasi keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan personaliti remaja dalam kalangan tingkatan empat dan tingkatan lima di SMK Meru. Ini membuktikan bahawa gaya interaksi di dalam struktur kekeluargaan mampu untuk menghasilkan personaliti yang berbeza dalam diri remaja bergantung kepada tahap ibu bapa memahami tingkah laku yang ditunjukkan oleh anak-anak. Ibu bapa yang mengaplikasikan orientasi perbualan bersama anak-anak didapati adalah lebih mudah untuk mencorak personaliti yang terbuka, tahap keyakinan yang tinggi, emosi yang stabil dalam diri remaja. Hal ini kerana ruang yang diberikan kepada anak-anak untuk berkongsi perasaan, pengalaman dan emosi menjadikan mereka sedar bahawa ibu bapa adalah dorongan utama dan terdekat buat mereka pada peringkat menjengah remaja dewasa ini. Manakala ibu bapa yang hanya menggunakan orientasi keakuran didapati kurang relevan pada masa kini bagi memahami jiwa anak-anak.

## RUJUKAN

- Aainaa, N. (n.d.). Hubungan Antara Personaliti dan Faktr Persekitaran Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar. *Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM*, 1-50.
- Akram, M., Batool, Z., Mahmood, B., & Mahmood, S. (2019). Role of Father in Child Personality Development: Evidence from Pakistan. *European Online Journal of Natural and Social Sciences: Proceedings*, 8(3 (s)), pp-1.



- Aziyah, S. C. (2011). Komunikasi Keluarga dan Hubungannya dengan Sikap Optimis Remaja. 1-16.
- Bourke, R. (2002). Gender Differences in Personality Among Adolescents. *Psychology, Evolution & Gender*, 31-41.
- Gokalp (2019). Analysis of communication styles between adolescents and parents. *Contemporary Educational Researches Journal*, 1-9.
- Halimah Maalip, A. Y. (2020). Pembentukan Modal Insan: Hubungan Konsep Kendiri, Personaliti dan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Southeast Asia Psychology Journal*, 104-120
- Hasneza, C. H. C., & Yusoff, F. (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu (Patterns of Family Communication in Malay Families in Terengganu). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 3(2), 45-62.
- Ingram, G. P. (2020). Influence Of Age, Gender And Personality On Young Adolescents' Reporting Of Online Risks To Third Parties. *Computer in Human Behavior Reports*.
- Ismail, N. W. (2003). Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong, Kluang, Johor: Kajian tentang Masalah . *Masters thesis, University of Malaya*.
- Narina. (2012). *Persampelan*. Retrieved March 2022, from OPENCOURSEWARE UTM: [http://ocw.utm.my/pluginfile.php/2450/mod\\_resource/content/0/Topic6\\_Persampelan.pdf](http://ocw.utm.my/pluginfile.php/2450/mod_resource/content/0/Topic6_Persampelan.pdf)
- Nor Jumawaton, M. M. (2017). Hubungan Antara Populariti Rakan Sebaya dan Estim Diri dengan Personaliti terhadap Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah. *Asian Social Work Journal*, 1-13.
- Nor Jumawaton, M. M. (2018). Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan lokus Kawalan dengan Personaliti terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika*, 1-14.
- Mahmood, N. M., & Mohammed, R. (2018). Peranan Pola Komunikasi Keluarga dalam Pembangunan Sahsiah Remaja di Bandar Kota Bharu, Kelantan.
- Mustafa, M. N., Suandi, T., Hamzah, A. H., & Ismail, M. D. I. A. (2016). Fenomena delinkuen dalam kalangan remaja yang berisiko di sebuah sekolah menengah kebangsaan agama di luar bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 14(2).
- Myhealthkkm. (2017, June 15). Kementerian Kesihatan Malaysia - Portal Myhealth - *Anda akan tahu mengenai diri sendiri dan personaliti anda melalui komen dan maklum balas dari ibu bapa, ahli keluarga, kawan karib, guru dan mereka yang di sekeliling anda*.
- Rebecca (2009). Personality and Individual Differences. *Georgia Southern University, Psychology*, 331-335.
- Saphir, M. N., & Chaffee, S. H. (2002). Adolescents' Contributions To Family Communication Patterns. *Human communication research*, 28(1), 86-108.
- Wehrli, S. (2008). Personality On Social Network Sites: An Application Of The Five Factor Model. *Zurich: ETH Sociology (Working Paper No. 7)*.
- Yucel, D. (2014). Number of siblings and personality: Evidence among eight graders from the Early Childhood Longitudinal Study-Kindergarten Cohort (ECLS-K). *The Social Science Journal*, 100-112.